NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil .64 **2hb Julai 2020** **No. 14**

No. 2486.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 *[Enakmen 16 Tahun 2003]*, Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah dan disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

Demi menjaga maslahah umat Islam yang kini berdepan dan terbelenggu dengan pelbagai cabaran sama ada dari sudut akidah, pendidikan, akhlak, ekonomi, kebebasan dan kekuasaan yang kesemuanya termasuk di bawah tuntutan penjagaan Maqasid Syariah. Justeru, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bersetuju memutuskan perkara-perkara berikut :

1. Definisi Riqab ialah memerdekakan orang Islam daripada cengkaman penghambaan dan penaklukan sama ada daripada segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

2. Asnaf Riqab yang disepakati oleh para ulama adalah hamba mukatab iaitu hamba yang mengadakan perjanjian dengan tuannya untuk membayar sejumlah wang atau lainnya, sebagai tebusan untuk membebaskan dirinya.

3. Bersetuju memperluaskan tafsiran Asnaf Riqab kepada mereka yang terdiri daripada golongan berikut :

(a) Hamba sahaya iaitu hamba yang boleh dibebaskan dengan cara jual beli langsung kepada tuannya iaitu menggunakan harta zakat untuk membeli hamba lalu dimerdekakan.

(b) Individu yang berusaha melepaskan dirinya daripada belenggu yang dihadapi sama ada belenggu kekuasaan, belenggu kebebasan, belenggu harta dan juga belenggu pemikiran.

(c) Individu yang berusaha melepaskan dirinya daripada belenggu kejahilan.

(d) Individu yang berusaha melepaskan dirinya daripada belenggu kemiskinan dan kemelaratan hidup.

(e) Individu yang berusaha melepaskan dirinya daripada penderitaan penyakit terutama penyakit kronik.

(f) Individu yang berusaha melepaskan dirinya daripada belenggu yang membawa kepada kemurtadan dan ancaman nyawa.

4. Bersetuju kategori Asnaf Riqab dari golongan yang terbelenggu yang layak dipertimbangkan bagi menerima peruntukan zakat asnaf riqab ialah pada pelaksanaan program-program sebagaimana berikut :

(a) Pemulihan akidah dan akhlak.

(b) Pendidikan.

(c) Menyelamat mangsa jenayah dan penganiayaan terhadap kanak-kanak.

(d) Menyelamat mangsa jenayah dan penganiayaan terhadap wanita.

(e) Membela warga emas yang terabai.

(f) Membela individu yang terancam keselamatan dirinya.

(g) Menyelamat pelarian daripada penindasan dan kezaliman serta mangsa perdagangan manusia.

5. Bersetuju perbelanjaan dan pengagihan bagi Asnaf Riqab hendaklah diperuntukan daripada Kumpulan Wang Zakat Dan Fitrah Negeri Johor mulai tahun 1441 Hijriah bersamaan 2020 Miladiah.

6. Bersetuju peruntukan yang diberikan kepada program-program pendidikan melalui Asnaf Fi Sabilillah dipindahkan kepada Asnaf Riqab.

Bertarikh 18 September 2019 / 18 Muharram 1441
[JMJ.351/04/01/6/45; PPUUNJ.R.600-1/5/8(13)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor